

**NO. SOALAN: 411**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**RUJUKAN : 7306**

**SOALAN:**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan usaha-usaha bagi mencegah kejadian pecah rumah yang berleluasa di siang hari yang berlaku di Terengganu khususnya bagi daerah Dungun.**

## **JAWAPAN:**

**Kejadian pecah rumah sama ada di waktu siang atau malam hari menjadi penyumbang utama kepada statistik jenayah indeks di seluruh negara. Hasil daripada siasatan pihak Polis mendapati majoriti kejadian pecah rumah berlaku di kawasan bandar dan taman-taman perumahan pada waktu siang hari ketika rumah ditinggalkan kosong oleh penghuni yang bekerja atau pergi bercuti. Pihak Kerajaan dan PDRM telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan penduduk dan rumah yang ditinggalkan selamat seperti berikut:-**

- i. Konsep *Omnipresence* iaitu melibatkan keberadaan di mana-mana anggota beruniform terdiri daripada anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan turut disertai oleh anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menjalankan tugas rondaan, melalui pelbagai jenis rondaan, sama ada rondaan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*), rondaan bermotosikal dan rondaan berjalan kaki. Kehadiran mereka ini membuat rondaan adalah untuk memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa mereka berada dalam persekitaran yang selamat dan juga untuk mewujudkan perasaan “*Fear of Being Caught*” kepada penjenayah.

- ii. PDRM juga turut melaksanakan aktiviti ‘*Community Policing*’ bertujuan untuk melibatkan masyarakat dalam aktiviti menangani jenayah bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa membanteras jenayah merupakan tanggungjawab bersama. Inisiatif ini melibatkan masyarakat awam dalam program-program seperti Rakan Cop, Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).
- iii. Program Bandar Selamat merupakan program yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengurangkan kadar jenayah dengan mengambil inisiatif seperti berikut:-
  - a) Pemasangan CCTV di tempat-tempat strategik yang dikenalpasti kerap berlaku jenayah dan yang menjadi tempat tumpuan ramai.
  - b) Pengasingan laluan pejalan kaki dan laluan bermotor bagi mengelak kejadian ragut dan samun.
  - c) Mencerahkan kawasan yang kerap berlaku jenayah.

iv. **Unit Rondaan bermotosikal (URB) yang ditubuhkan melalui bajet 2013 untuk memenuhi tuntutan rakyat yang sentiasa mahukan negara ini berada dalam keadaan aman dan selamat. Kawasan rondaan URB secara "buddy system" iaitu tiga syif selama 24 jam di kawasan-kawasan perumahan serta kawasan sibuk seperti kawasan sekolah, perniagaan, taman rekreasi dan kawasan perindustrian bagi mengelak kejadian pecah rumah, pecah gudang, jenayah jalanan dan sebagainya. Unit URB akan diperluaskan ke seluruh negara secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan tumpuan akan diberikan kepada daerah yang mencatatkan kadar jenayah yang tinggi.**

**Bagi Daerah Dungun, Terengganu, kadar kejadian pecah rumah masih lagi di peringkat yang terkawal. Kejadian pecah rumah yang dilaporkan seperti berikut:-**

#### **STATISTIK PECAH RUMAH DAN CURI DAERAH DUNGUN, TERENGGANU.**

Kesalahan	Tahun 2012	Tahun 2013	Naik/Turun	Peratus	Jan-Ogos 2013	Jan-Ogos 2014	Naik/Turun	Peratus
Pecah Rumah dan Curi (Siang)	16	10	-6	-37.5	8	7	-1	-12.5
Pecah Rumah dan Curi (Malam)	80	41	-39	-48.8	39	44	5	12.8
Jumlah	96	51	-45	-46.9	47	51	4	8.5